

**Petronas Tandatangani Kontrak Bekalan LNG Dengan Syarikat Taiwan  
Bernama  
6 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Petronas menandatangani dua kontrak melalui anak syarikatnya, Malaysia LNG Sdn Bhd (MLNG) dan Petronas LNG Ltd (PLL), untuk membekalkan sehingga 2.6 juta tan gas asli cecair (LNG) setahun kepada CPC Corporation dari Taiwan.

Kontrak berkenaan ditandatangani pada 5 Mac, adalah bagi tempoh enam tahun dengan penghantaran kepada CPC dijadualkan bermula pada suku kedua 2014 dan 2015, demikian menurut syarikat minyak nasional itu dalam satu kenyataan di sini Khamis.

"Penghantaran dari Kompleks LNG Petronas di Bintulu, Sarawak dan sumber bekalan lain itu bagi memenuhi keperluan dan permintaan pelanggan CPC di Taiwan, terutamanya sektor tenaga negara itu," katanya.

Petronas mula membekalkan LNG kepada CPC pada 1995 melalui kontrak 20 tahun bagi bekalan tahunan sebanyak 2.25 juta tan LNG.

Kontrak baharu itu dijangka mengukuhkan lagi hubungan antara kedua-dua syarikat.

MLNG ditubuhkan pada 1978 dan mengendalikan Kompleks LNG Petronas di Bintulu, satu daripada kompleks LNG terbesar dunia di satu tapak, manakala PLL, sebelum ini dikenali sebagai Asean LNG Trading Co Ltd, ialah cabang perdagangan global LNG Petronas.

Petronas kini memulakan projek baharu LNG di Malaysia serta luar negara sebagai sebahagian usaha berterusan syarikat untuk mengukuhkan jaminan bekalan kepada negara serta meningkatkan portfolio bekalan LNG untuk permintaan masa depan dunia.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019710>